

Tarikh Pilihan Raya Umum Ke-11 Disember Atau Mac?

UMNO dijangka menentukan jawatankuasa penaja dalam satu mesyuarat minggu depan ekoran persempadanan semula kawasan pilihan raya

MASSA 25.10.2003

Oleh G. MANIMARAN

SEJAK dua minggu lalu, kenyataan-kenyataan yang menyentuh persiapan pilihan raya meningkat secara 'mendadak', seolah-olah memberi isyarat awal bahawa pilihan

raya umum ke-11 akan diadakan dalam waktu terdekat. Sebagaimana dijelaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini, pilihan raya tidak diadakan ketika era kepimpinan beliau. Beliau bersara pada 31 Oktober ini. Hanya tinggal seminggu lagi.

Dalam tempoh seminggu dua ini, antara petikan yang harus diteliti bersama ialah:

- "Hasil Program Simulasi Pilihan Raya yang diadakan di seluruh negeri Terengganu baru-baru ini meyakinkan UMNO untuk mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum kelak.

"Program itu mendapat sambutan hangat dan kejayaannya di luar jangkaan. Namun usaha perlu terus ditingkatkan bagi memastikan UMNO mencapai kemenangan sebenar sekurang-kurangnya pada tahap dua pertiga," kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kuala Terengganu pada 21 Oktober.

- "MCA akan mengekalkan kebanyakan muka lama sebagai calon pilihan raya umum akan datang. Kita tidak membuat perubahan sekadar untuk bertukar. Kalau nak tukar pun ada sebab-sebab tertentu... Memang ada yang sukarela nak bersara, ada ADUN dan ahli